(Untuk Kegunaan Pejabat)

| | |
|---|---|
| ☐ | BERISIKO |
| ☐ | TIDAK BERISIKO |

**PERCUMA**
*(Dalam talian sahaja)*

**MDHS/JP/007**

# BORANG PERMOHONAN PERMIT PERNIAGAAN

## MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

**BORANG PERMOHONAN**

**PERMIT PERNIAGAAN**

## A. Senarai Semak Dokumen yang Berkaitan

**ARAHAN**

1. Sila isikan borang permohonan ini dengan lengkap, terang dan jelas
2. Potong mana yang tidak berkaitan*.
3. Tandakan ( / ) dalam kotak berkenaan
4. Sila susun dokumen mengikut turutan dan tuliskan nombor di sebelah kanan atas dokumen tersebut

**PERMOHONAN YANG LENGKAP SAHAJA DITERIMA UNTUK DIPROSES**

| | DIISI OLEH PEMOHON (/) | (KEGUNAAN PEJABAT) DIISI OLEH PEGAWAI KAUNTER |
|---|---|---|
| 1. Salinan pendaftaran perniagaan SSM (Jika berkaitan) | ☐ | ☐ |
| 2. Surat wakil sekiranya permohonan dilakukan pihak ketiga (jika berkaitan) | ☐ | ☐ |
| 3. Jika permohonan melibatkan makanan dan minuman, Dokumen berikut perlu sertakan : | ☐ | ☐ |
| - Salinan sijil kursus pengendalian makanan | ☐ | ☐ |
| - Suntikan kesihatan yang ditetapkan | ☐ | ☐ |
| 4. Kelulusan mengadakan jualan gudang daripada KPDNKK (jika berkaitan) | ☐ | ☐ |
| 5. Surat persetujuan/pengesahan daripada pemunya tanah atau premis Bangunan. (jika berkaitan) | ☐ | ☐ |
| 6. Perlu mendapat kelulusan Jab. Penerbangan Awam (DCA) – (Belon Panas) (Jika Berkaitan) | ☐ | ☐ |
| 7. Lain-lain Dokumen berkaitan aktiviti perniagaan (nyatakan) …………………………………………………………………………………… …………………………………………………………………………………… | ☐ | ☐ |

BORANG TELAH DISEMAK :

☐ Tidak Lengkap dan dikembalikan ☐ Lengkap dan diterima

………………………………………………………………… Tarikh : ………………………………………

(Tandatangan & Cap Pegawai)

| B. | Maklumat Pemohon | |
|---|---|---|
| 1. | Nama | |
| 2. | No. Kad Pengenalan | |
| 3. | Nama Syarikat | |
| 4. | Nombor Pendaftaran Syarikat | |
| 5. | Alamat Surat Menyurat / Alamat Premis | |
| 6. | Telefon | Pejabat : ☐ Telefon Bimbit : ☐ |
| 7. | Fax | |
| 8. | No. Akaun Lesen Perniagaan (jika ada) | |
| 9. | Jenis Perniagaan | |
| 9. | Alamat Emel | |

**C. Maklumat Aktiviti Permit (Tandakan √ pada yang berkenaan)**

1. Kategori Permit

a. Permit Jualan Gudang / Ekspo / Karnival / Promosi

- i) Dalam Bangunan ☐
- ii) Luar Bangunan ☐

b. Permit Kaki Lima ( Barang / Kerusi Meja / Skrin Layar) ☐

c. Permit Buah Bermusim ☐

d. Permit Iklan (Sepanduk / Kain Rentang (Banner) / ☐

Gegantung (Bunting) / Belon Udara ☐

e. Permit Khemah (Kenduri) ☐

f. Sewaan Petak Khas Letak Kereta ☐

g. Permit Sementara Bunga Api ☐

h. Permit Sementara Lemang ☐

2. Lokasi Tapak

a. Rumah Kedai / Kaki Lima ☐

b. Kawasan Lapang (cth : Ekspo / Karnival) ☐

c. Bahu Jalan ☐

d. Tempat Letak Kereta ☐

e. Ruang Legar / Kompleks Beli-Belah ☐

f. Pasar Tani / Malam / Uptown ☐

g. Lain-lain ☐

* Lokasi / Alamat Tapak

3. Jenis Jualan / Aktiviti Perniagaan

a. Makanan / Minuman ☐

b. Barangan Kering ☐

* Sila Nyatakan : ____________________

4. Tempoh permit yang dipohon

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 1. Tarikh | : Dari | ☐ | Hingga | ☐ |
| 2. Masa | : Dari | ☐ | Hingga | ☐ |

**D. Maklumat Tambahan Berdasarkan Permit Dipohon (Tandakan √ pada yang berkenaan)**

☐ 1. Permit Perayaan

a. Ramadhan/ Hari Raya ☐ c. Deepavali ☐

b. Krismas ☐ d. Tahun Baru Cina ☐

* Lain – Lain (Nyatakan) : ____________________

☐ 2. Permit Banting / Kain Rentang / Sepanduk

(Nota : Sila sertakan visual iklan)

Syarat :

- Tiang TNB perlu mendapat kelulusan
- Perlu mendapatkan kelulusan dewan bahasa & pustaka (www.dpb.gov.my)
- Sila lampirkan contoh visual iklan dan bawa bersama iklan yang telah siap dicetak(kecuali di hadapan premis)
- Tidak dibenarkan diiklan di pokok lampu isyarat, bulatan jalan raya dan jambatan
- Jalan JKR hendaklah mendapat kelulusan JKR
- Iklan berunsur lucah, judi, minuman keras, barangan asas tembakau, perkauman adalah tidak dibenarkan
- Penggunaan logo halal perlu mendapatkan pengesahan JAKIM

a. Jenis :

i. Sepanduk / Kain Rentang ☐

ii. Banting ☐

b. Tempat :

i. Majlis ☐

ii. Depan Premis ☐

iii. Tempat Awam ☐

iv. Jalan JKR ☐

c. Jenis Jalan :

i. Jalan Majlis ☐

ii. Jalan JKR ☐

d. Jumlah

i. Sepanduk / Kain Rentang ☐ Helai

ii. Gegantung ☐ Helai

e. Saiz

i. Sepanduk / Kain Rentang ☐ P x ☐ L

ii. Gegantung ☐ P x ☐ L

(Sila nyatakan lampiran jika melebihi dari satu saiz)

f. Lokasi (Sila lampirkan senarai lokasi jika ruangan ini tidak mencukupi)

☐

☐ 3. Permit Kaki Lima / Khemah

Syarat :

- 1 salinan kad pengenalan
- Pelan lokasi (kecuali kaki lima)
- Pelan lantai (kaki lima sahaja)
- Kebenaran polis (bunga api)
- 1 gambar sebelum (lemang)
- 1 gambar di kaki lima sahaja
- 1 salinan lesen perniagaan(kaki lima sahaja)

a. Jumlah Meja ☐

b. Jumlah Lot ☐

b. Jumlah Khemah / Kanopi ☐

c. Saiz Khemah ☐

d. Tarikh Dari : ☐ Hingga : ☐

e. Masa Dari : ☐ Hingga : ☐

f. Lokasi ☐

☐ 4. Permit Sewa Petak Khas Letak Kereta

Syarat :

- 1 salinan lesen perniagaan
- 1 gambar lot letak kereta hadapan premis
- 1 salinan kad pengenalan

a. Jumlah Petak Kereta Dipohon ☐

b. Tempoh Sewaan (Min. 6 bulan, Max. 12 bulan)

6 bulan ☐ 12 bulan ☐

c. Lokasi ☐

## E. Perakuan Pemohon

Saya seperti penama di atas mengakui akan mematuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh PBT dan Pihak Majlis boleh mengambil tindakan ke atas saya sekiranya saya telah melanggar mana - mana syarat yang telah ditetapkan.

Tandatangan Pemohon

Tarikh

## F. Ulasan Jabatan

i) Disokong ☐

ii) Tidak Disokong ☐

Ulasan : ______________________________

PPKP / PPT / Pembantu Tadbir

## G. Keputusan

Permohonan ini

iii) Diluluskan ☐

iv) Ditolak ☐

Pengarah / Ketua Bahagian / PPKP / PPT

## H. Catatan

## PERMIT PERNIAGAAN : SYARAT & PERATURAN

### Syarat / Peraturan Am

1. Permit perniagaan hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat sepanjang tempoh masa perniagaan dijalankan.
2. Permit perlu diperbaharui seminggu sebelum tamat tempoh permit tersebut.
3. Tempoh maksima permit yang dibenarkan adalah untuk tiga (3) bulan setiap permohonan bagi jualan makanan dan minuman dan tiga (3) bulan bagi buah bermusim.
4. Peniaga perlulah mematuhi had operasi yang dibenarkan mengikut Masa Operasi Perniagaan yang diluluskan.
5. Permit kepada aktiviti sementara penjaja / gerai / kiosk hanya dikeluarkan kepada warganegara Malaysia sahaja.
6. Aktiviti perniagaan yang dijalankan hanya dibenarkan berniaga dipetak atau lokasi yang diluluskan sahaja seperti yang dinyatakan di dalam permit.
7. Pemegang permit hendaklah sentiasa hadir menjalankan dan mengawasi perniagaan di gerai / kiosk atau lokasi perniagaan yang dinyatakan di dalam permit.
8. Pemegang permit adalah dilarang menyewakan permit atau petak berniaga kepada orang lain. Sekiranya didapati penyewaan permit dibuat, TINDAKAN PEMBATALAN permit serta merta akan diambil.
9. Hanya warganegara Malaysia sahaja dibenarkan diambil bekerja sebagai pembantu gerai atau penjaja bagi membantu pemegang permit berniaga. Hanya pembantu yang didaftarkan sahaja dibenarkan berada dilokasi perniagaan sepanjang tempoh perniagaan dijalankan.
10. **DILARANG** membina struktur kekal / meninggalkan gerai, barang perniagaan di lokasi selepas tamat berniaga. Tindakan sitaan dan Notis Tawaran Kompaun akan dikeluarkan serta pemabatalan permit akan dibuat sekiranya ingkar.
11. Pemegang permit dan pembantu hendaklah sentiasa memastikan syarat kesihatan dipatuhi dengan mendapatkan pemeriksaan kesihatan dan suntikan pelalian yang sah. Penjaja yang terlibat dengan pengendalian makanan dan minuman perlu memakai topi dan apron sepanjang masa perniagaan dijalankan.
12. Pemegang permit adalah bertanggungjawab ke atas kebersihan lokasi / tapak perniagaan.

13. Aktiviti permit perniagaan adalah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak Majlis. Sebarang syarat-syarat yang dikenakan tertakluk kepada pindaan Pihak Berkuasa Tempatan dari masa ke semasa.
14. Pemilik permit tidak akan membuat sebarang tuntutan / pampasan / ganti rugi daripada pihak Majlis sekiranya berlaku kemalangan / kecelakaan / kecederaan sebelum / selepas menjalankan perniagaan.
15. Pihak Majlis berhak untuk menarik balik kelulusan yang diberikan, sekiranya terdapat sebarang pelanggaran yang dirasakan boleh menggugat kesejahteraan orang awam atau melanggar hak-hak individu yang berkenaan dan pemeriksaan mengejut akan dijalankan dari masa ke semasa untuk memastikan segala arahan dan peraturan dipatuhi. Peniaga perlu memastikan kawasan yang disewa tidak mengganggu lalulintas atau menyebabkan kacau ganggu kepada pihak lain.
16. PERINGATAN : Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab ke atas apa jua bentuk kemalangan / kecederaan / kehilangan / kecurian yang berlaku semasa perniagaan dijalankan.

**Tambahan Syarat-Syarat Kesihatan Bagi Permohonan Permit Perniagaan Yang Melibatkan Makanan Dan Minuman Sahaja**

1. Wajib menghadiri Kursus Asas Pengendalian Makanan. Pemilik permit dan semua pembantu yang terlibat dengan pengendalian makanan wajib mengahadiri kursus/latihan pengendalian makanan dari institusi latihan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan.
2. Pemilik permit dan semua pembantu wajib mendapatkan suntikan pelalian terhadap demam kepialu daripada klinik kerajaan atau klinik swasta yang diiktiraf oleh Majlis dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
3. Semua salinan asal perlu disimpan oleh pemilik permit untuk pemeriksaan dari masa ke semasa (bukti laporan pemeriksaan perubatan dan pemberian suntikan vaksinasi terhadap demam kepialu (Typhoid Fever) seta bukti menghadiri kursus pengendlian makanan hendaklah ditunjukkan apabila pemeriksaan penguatkuasaan dijalankan oleh Majlis.

**Tambahan Syarat-Syarat Permit Ekspo / Karnival / Promosi / Hiburan**

1. Hendaklah mengemukakan permohonan selewat-lewatnya 30 hari sebelum aktiviti dijalankan.
2. Mendapat sokongan daripada pihak polis dan pihak berkuasa berkaitan.
3. Pemilik permit hendaklah menjelaskan duti hiburan kepada Perbendaharaan Negeri Selangor.
4. Mengadakan aktiviti pada tarikh dan masa yang dipohon sahaja.
5. Tidak menghalang lalulintas dan memastikan ada kawalan yang secukupnya untuk mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini.
6. Meletakkan papan tanda lalulintas secukupnya seperti lencongan, tanda awas dan juga kon keselamatan serta lampu amaran pada waktu malam dan sebagainya.
7. Pemilik permit hendaklah melantik petugas atau rela yang mencukupi sepanjang penganjuran diadakan.
8. Tidak dibenarkan sebarang kerja-kerja pengorekan jalan.
9. Pihak tuan/puan bertanggungjawab ke atas kebersihan jalan / taman dan ketenteraman sekeliling dan atas apa-apa kemalangan yang mungkin akan berlaku
10. Pemohon DILARANG menjalankan aktiviti yang mencemarkan alam sekitar dan mendatangkan kacau ganggu kepada masyarakat setempat.

11. Majlis tidak akan bertanggungjawab sekiaranya berlaku apa-apa kemalangan semasa aktiviti berlangsung.
12. Pihak Majlis akan MEMBATALKAN permit sekiranya mendapat bantahan / aduan daripada orang ramai ataupun pelanggaran peraturan.
13. Majlis tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian dan tuntutan ganti rugi oleh pihak tuan apabila permit ini dibatalkan.
14. Menyediakan tandas hendaklah bersih, sempurna, dan mencukupi serta berasingan antara lelaki dan wanita.
15. Menyediakan tong sampah yang mencukupi dan hendaklah dikosongkan seberapa kerap yang mungkin.
16. Tiada sebarang unsur perjudian.
17. Mematuhi syarat-syarat dan undang-undang yang ditetapkan oleh Majlis serta peraturan-peraturan lain yang berkaitan.

**Tambahan syarat-syarat permit iklan – permit iklan (sepanduk / kain rentang (banner) / gegantung (bunting) / belon udara**

1. Bunting atau kain rentang yang dipasang selain daripada jalan-jalan yang dibenarkan di dalam senarai kelulusan akan diturunkan dan wang cagaran akan dipotong mengikut jenis kesalahan.
2. Penggunaan perkataan Bahasa Kebangsaan mestilah 30% besar dan diutamakan daripada segi kedudukan berbanding bahasa-bahasa lain.
3. Penggunaan perkataan Bahasa Kebangsaan hendaklah 70% dari keseluruhan ayat iklan.
4. Iklan yang dipasang hendaklah sama dengan visual yang diluluskan. Jika didapati tidak sama, iklan berkenaan akan diturunkan dan cagaran tidak akan dipulangkan.
5. Iklan yang dipasang hendaklah diturunkan mengikut tarikh tamat permohonan permit. Sekiranya pihak Majlis menurunkan bunting atau kain rentang yang digantungkan selepas tamat tempoh, **MAKA CAGARAN BERKENAAN TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN**.
6. Dilarang menurunkan bunting dan kain rentang berlesen yang sedia ada di lokasi atau memasang secara bertindih, atau memasang pada bahagian atas dan bawah tiang lampu secara serentak.
7. Pelekat kain rentang dan bunting perlu dilekatkan di setiap bunting dan kain rentang.
8. Tidak dibenarkan sama sekali menggantung kain rentang dan bunting pada pokok, pacakan kayu, bulatan jalan raya, lampu isyarat dan jambatan.
9. Iklan yang menunjukkan perkataan Halal, Ditanggung Halal atau lain-lain perkataan hendaklah menunjukkan sebarang bukti atau mendapatkan satu salinan kelulusan daripada pihak berkenaan atau Jakim (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia).
10. Perlu mengemukakan surat kelulusan program daripada PBT berkaitan.

**Tambahan syarat-syarat untuk permit buah bermusim dan penjaja sementara**

1. DILARANG menjalankan aktiviti berniaga :-
    - Dalam lingkungan 9 meter (30 kaki) dari simpang jalan.
    - Dalam lingkungan 3 meter (10 kaki) dari pili bomba.
    - Di atas tangga, kaki lima atau lapangan awam atau saluran perparitan longkang kecuali dengan kebenaran majlis.
    - Penjualan makanan dan minuman di dalam lingkungan 40 meter dari pagar sekeliling sekolah adalah dilarang
    - Di jalan utama dan jalan persiaran adalah tidak dibenarkan untuk berniaga
    - Berniaga dengan cara yang boleh menghalang atau mengganggu lalulintas dan pergerakan orang berjalan kaki.
2. Berniaga di tapak yang telah diluluskan oleh Majlis sahaja.
3. TINDAKAN PENGUATKUASAAN (kompaun@pembatalan lesen) akan dikenakan ke atas peniaga yang melanggar peraturan yang ditetapkan.
4. Pemilik permit hanya dibenarkan menjual buah-buahan tempatan sahaja.
5. Pembantu warga asing tidak dibenarkan untuk diambil bekerja.

**Tambahan syarat-syarat untuk permit Kaki Lima**

1. Tidak melebihi 2 kaki dari pintu kedai
2. Tidak menghalang laluan awam
3. Hanya pemilik premis berlesen sahaja akan dibenarkan untuk memohon permit kaki lima

**Tambahan syarat-syarat Permit Kerusi / Meja**

| Bil | Perkara | Syarat-Syarat |
|---|---|---|
| 1. | Lokasi | Hanya dibenarkan di :<br>• Lot tepi / hujung<br>• Jalan mati<br>• Jalan tidak sibuk<br>• Bukan jalan utama<br>• Jalan yang digunakan sebagai laluan awam / kenderaan<br>• Pepulau (KIV)<br>• Lot tengah yang tidak menghalang laluan awam |
| 2. | Waktu Operasi | • Jam 6.00 petang – 1.00 pagi |
| 3. | Tempoh Permit | • Hari / Minggu / Bulan |
| 4. | Bilangan Meja | • Tertakluk kepada keluasan dan kesesuaian lokasi |
| 5. | Saiz Meja | • 9 kaki persegi (3 kaki x 3 kaki) atau 1 meter persegi |
| 6. | Wang Cagaran | • Wang cagaran sebanyak RM1,000.00<br>• Wang ini akan dilucut hak jika melanggar syarat dan permit akan dibatalkan |
| 7. | Meletak Meja di Siar Kaki Premis Bersebelahan | Boleh dipertimbangkan dengan syarat :<br>• Mendapat kebenaran bertulis daripada pemilik premis bersebelahan<br>• Terhad untuk waktu malam sahaja dari jam 6.00 petang – 1.00 pagi |
| 8. | Larangan | • Tiada struktur binaan kekal yang dibenarkan<br>• Tiada struktur yang menutup longkang / saliran<br>• Tidak dibenarkan mencuci pinggan mangkuk atau memasak di kaki lima |
| 9. | Syarat-Syarat Tambahan | • Permit boleh dibatalkan dengan serta-merta jika terdapat aduan<br>• Menjaga kebersihan di sekitar kawasan semasa dan selepas waktu berniaga |

| Bil | Perkara | Syarat-Syarat |
|---|---|---|
| | | • Mengalih dan menyimpan kerusi dan meja dengan tersusun dan tidak menyebabkan halangan di laluan awam<br>• Perlu menyimpan tempat khas untuk menyimpan kerusi meja selepas waktu operasi<br>• Mematuhi had bilangan dan saiz kerusi / meja yang diluluskan |
| 10. | Aspek Keselamatan | • Majlis boleh mensyaratkan pengusaha premis makanan untuk mengambil langkah-langkah keselamatan yang munasabah seperti mendirikan *railing* untuk mengelak sebarang kemungkinan yang tidak diigini<br>• Mengemukakan liabiliti awam semasa permohonan (public liability insurance) |